



KENYATAAN MEDIA BUKU BARU

Buku Rich Dad's Cashflow Quadrant

PTS Media Group akan menerbitkan sebuah lagi buku yang ditulis oleh Robert Kiyosaki, iaitu Rich Dad's Cashflow Quadrant (Capai Kebebasan Kewangan). Menerusi buku yang berharga RM25 ini, Robert mendedahkan rahsia bagaimana ilmu kewangan mampu membantu kita mencapai kebebasan kewangan tanpa perlu bekerja keras. Malah, bagaimana membayar cukai yang sedikit berbanding mereka yang berhempas pulas bekerja siang dan malam.

Buku ini terbahagi kepada 3 bahagian dan mempunyai 18 bab. Robert menerangkan Tujuh Langkah dalam Mencari Lorong Pantas Kewangan Kita. Sudah pastinya langkah-langkah ini adalah praktikal dan perlu dimulakan daripada diri kita sendiri. Hanya kita mampu mengubah sistem kewangan kita. Antara tajuk menarik dalam buku ini adalah Bagaimana Saya Hendak Menjadi Kaya, Kita Tidak Mampu Memiliki Wang dengan Pandangan Mata Kasar, dan Jadilah Sebuah Bank, Bukan Pengurusnya.

Apa yang menariknya dalam buku ini, Robert menerangkan mengapa terdapat individu yang kerap bertukar-tukar profesion, sedangkan ada individu lain yang nekad berhenti kerja dan membina empayar perniagaan sendiri. Dan, mengapa sesetengah pelabur mampu menjana pendapatan lumayan dengan risiko yang sedikit sementara pelabur-pelabur lain hanya mampu balik modal sahaja.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my